

29 MAR 2001

MSC-FORUM

MSC TIDAK MENYUMBANG SEPERTI MANA YANG DIHARAPKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak menyumbang seperti mana yang diharapkan.

Bagaimanapun, minat terhadap MSC serta pelaburan dan komitmen untuk melabur masih lagi tinggi, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Teknologi MSC-Lucent Bell Labs, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan berhubung dengan laporan asing yang menyatakan MSC menghadapi masalah. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) semalam telah mengeluarkan kenyataan dengan menyatakan kemajuan MSC berjalan lancar sungguhpun terdapat beberapa bahagian yang memerlukan perhatian dan usaha-usaha yang lebih terperinci.

Menjelaskan lebih lanjut berhubung perkara itu dalam persidangan media, pengerusi eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata usaha-usaha akan dibuat untuk memperkenalkan MSC dengan mengkaji cadangan-cadangan yang dibuat dalam laporan Mesyuarat Majlis Pelaksanaan (ICM) dan merangka rangka kerja tindakan.

Antara cadangan-cadangan bagi MSC adalah mendapatkan insentif khas bagi teknologi khusus berbanding insentif generik utama. Ia juga mesti memberi mandat kepada sebuah agensi sehati untuk membuat kelulusan segera bagi insentif khas kerana syarikat-syarikat tidak boleh menunggu terlalu lama.

Ketika ini, MSC mempunyai 471 syarikat berstatus MSC termasuk 40 firma bertaraf dunia. Empat ratus dua puluh daripadanya sudahpun beroperasi.

Dr Othman berkata RM95 juta pelaburan daripada syarikat-syarikat berstatus MSC sehingga 2001 masih lagi minimum berbanding dengan kegiatan yang dibuat.

Di kalangan syarikat itu, 52 telah melabur dalam penyelidikan dan pembangunan secara langsung dalam MSC. Ia termasuklah NTT, Lucent, CSA, Articulate Online, Motorola dan British Telecoms.

Mengenai kerjasama antara universiti dan syarikat-syarikat, Perdana Menteri berkata terdapat sesetengah syarikat berminat dengan projek dan R&D yang dikendalikan oleh universiti-universiti terbabit dan malahan sesetengah daripadanya membiayai kerusi-kerusi universiti.

Sebagai contoh, kegiatan R&D Universiti Multimedia memperoleh manfaat daripada program Lucent Bell Labs Visiting Professorship yang berjaya menghasilkan tujuh aplikasi paten.

Bagi forum hari ini, Dr Mahathir berkata beliau berharap ahli-ahli sains dan eksekutif korporat tempatan akan dapat berinteraksi dan menjalin hubungan dengan saintis dan pakar teknologi daripada Lucent dan Bell Labs bagi pelbagai bidang teknologi terutama dalam telekomunikasi dan perkomputeran.

Beliau berkata forum itu akan menjadi sebagai landasan bagi perkongsian pintar di kalangan pusat R&D dorongan industri dan sebagai panduan bagi membantu syarikat-syarikat dan universiti Malaysia untuk mentakrif isu strategik, arah dan tumpuan dalam kegiatan R&D.

Lucent Technologies adalah peneraju dalam pasaran perangkaan komunikasi dunia, meningkatkan kekukuhannya dalam perangkaan optikal, data dan wayarles. Ia disokong oleh pertubuhan R&D terkemuka dunia Bell Labs. --
BERNAMA

SHO SD ZK OS